



Kerajaan fokus subsidi lebih bersasar bantu lindungi rakyat

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim - Ogos 23, 2022 @ 11:22am
mohd_iskandar@bh.com.my



Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Mohd Shahrul Abdullah, berucap ketika meecasmikan Majlis Konsultasi Belanjawan 2023 dianjurkan Kementerian Kewangan di Dewan Utama, Kementerian Kewangan, Putrajaya. - Foto MOHAMAD SHAHRIL BADRI SAALI

PUTRAJAYA: Kerajaan akan mempertimbangkan pelaksanaan mekanisme subsidi dengan lebih bersasar supaya manfaat ditumpukan kepada golongan yang benar-benar memerlukan bantuan.

Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Mohd Shahrul Abdullah, berkata tanpa subsidi yang disediakan kerajaan untuk barangan asas, dianggarkan inflasi negara akan mencapai 11.4 peratus.

Beliau berkata, kerajaan komited memastikan kesejahteraan rakyat termasuk melindungi isi rumah daripada impak penuh kenaikan harga komoditi dan makanan global.

"Berikutan langkah kerajaan untuk meneruskan dan menambahbaik subsidi, perbelanjaan untuk bantuan dan subsidi dianggarkan meningkat kepada RM77.7 bilion berbanding dengan peruntukan Bajet 2022 sebanyak RM31 bilion," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Konsultasi Bajet 2023 di Kementerian Kewangan di sini, hari ini.

Majlis penutup sesi konsultasi membabitkan pelbagai agensi, persatuan, dewan perniagaan, ahli akademik dan badan bukan kerajaan (NGO) itu akan disempurnakan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada jam 12.30 tengah hari ini.

Mohd Shahrul berkata, walaupun sudah beralih dari fasa pemulihan pasca COVID-19 ke fasa pembaharuan dan pembangunan, negara berdepan cabaran baharu dalam bentuk ketidakpastian geopolitik yang semakin meruncing seterusnya mewujudkan tekanan inflasi terutamanya ke atas harga komoditi dan makanan serta gangguan bekalan.

Bagaimanapun, katanya, tahap inflasi negara bagi tempoh enam bulan pertama tahun ini mencatat kadar 2.5 peratus.

"Kadar inflasi ini jauh lebih rendah daripada inflasi di negara lain, terutamanya dalam kalangan negara maju seperti Amerika Syarikat (AS) dan United Kingdom (UK) yang mencecah sembilan peratus sementara negara serantau seperti Thailand, Filipina dan Singapura mencecah lebih enam peratus.

"Tahap inflasi di Malaysia kekal terkawal ekoran daripada pelaksanaan langkah kawalan harga dan pemberian subsidi oleh kerajaan," katanya.

Mengenai konsultasi Bajet 2023, beliau berkata, sesi terbabit tidak akan terhenti setakat itu, sebaliknya ia diteruskan dengan program turun padang bertemu Keluarga Malaysia melalui program jelajah Bajet 2023 di peringkat negeri.

"Program jelajah ini sudah bermula bulan ini dan dirancang untuk meliputi semua negeri. Setakat ini jelajah negeri sudah dibuat di Johor, Kelantan dan Terengganu di samping sesi libat urus yang dilaksanakan di Putrajaya untuk mendapatkan cadangan serta aspirasi daripada rakyat dan industri.

"Dalam beberapa minggu yang akan datang, pelbagai lagi sesi libat urus dan mesyuarat akan diadakan khususnya untuk memperinci dengan lebih lanjut kesemua isu dan cadangan yang dikemukakan," katanya.

Dalam pada itu, beliau merakamkan ucapan terima kasih kepada 242 organisasi termasuk persatuan, dewan perniagaan, ahli akademik dan NGO yang mengemukakan 1,935 memorandum merangkumi emlay komponen utama iaitu rakyat, perniagaan, ekonomi dan kerajaan bagi penyediaan Bajet 2023.